

Pembunuhan Shinzo Abe: Persaingan Politik, Sistem Pilihan Raya dan Skandal *Unification Church*

The Assassination of Shinzo Abe: Political Struggle, Electoral System and the Unification Church Scandal

ASMADI HASSAN¹, MOHD IKBAL MOHD HUDA^{2*} & MUHAMMAD MUHSEIN KAMARUDIN¹

¹*Jabatan Pengajian Asia Timur, Universiti Malaya,
50603, Kuala Lumpur, Malaysia*

²*Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi Selangor, Malaysia*
Corresponding author: ibahuda@ukm.edu.my

Received: 05 January 2025 Accepted: 15 May 2025

Abstrak

Peristiwa pembunuhan Shinzo Abe telah mengejutkan dunia memandangkan beliau adalah bekas Perdana Menteri Jepun dan berlaku di negara yang terkenal dengan pengawalan ketat penggunaan senjata api. Pembunuhan Abe telah mendedahkan tentang hubungan antara parti pemerintah, LDP dengan *Unification Church* yang selama ini tidak menjadi tumpuan di Jepun. Kajian ini membincangkan tentang peristiwa pembunuhan Abe dan hubungannya dengan persaingan politik, sistem pilihan raya dan skandal *Unification Church* di Jepun. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif dengan kajian perpustakaan adalah bahagian penting dalam pengumpulan maklumat yang diperlukan. Pendekatan ini juga penting untuk memahami kronologi dan peristiwa sejarah tentang pembunuhan Abe. Melalui maklumat yang dikumpul, pemahaman secara terperinci tentang persoalan dan objektif kajian dapat dibina. Artikel ini mendapati bahawa persaingan dalam politik Jepun terutamanya untuk memenangi pilihan raya telah menyebabkan mereka mengadakan hubungan dengan ahli kumpulan penyokong *Unification Church* tanpa mengambil kira latar belakang kumpulan tersebut. Tambahan lagi sistem pilihan raya campuran SMD dan PR yang digunakan mendorong persaingan sengit antara parti-parti politik Jepun. Hubungan antara mereka adalah timbal dan balik saling membantu demi survival politik masing-masing. Walau bagaimanapun hubungan antara mereka menyebabkan LDP turut terjebak dengan penyalahgunaan institusi keagamaan dan akhirnya membawa kepada peristiwa pembunuhan Abe.

Kata kunci: Pembunuhan Shinzo Abe; Persaingan Politik; Sistem Pilihan Raya; Skandal *Unification Church*; Jepun

Abstract

The assassination of Shinzo Abe has shocked the world as he is the former Prime Minister of Japan, and the event took place in a country known for strict control of the use of firearms. Abe's assassination has revealed the relationship between the ruling party, the LDP and the Unification Church, which has not been the focus in Japan. This study discusses the Abe's assassination and its relationship with political struggle, electoral system and the Unification Church scandal in Japan. This study uses a

qualitative approach with library research being an important part of this research. This approach is important for gathering contemporary and historical information. Through the information collected, a detailed understanding of the research question can be built, and the research objective can be answered. This article finds that the struggle in Japanese politics, especially to win elections, has caused them to have contact with a large group of Unification Church supporters regardless of the group's background. In addition, SMD and PR, the mixed election system encourages fierce competition between Japanese political parties. The relationship between them is reciprocal and they help each other for the sake of their survival. However, the relationship between them caused the LDP to get caught up in the abuse of religious institutions and eventually led to the assassination of Abe.

Keywords: Assassination of Shinzo Abe; Political Struggle; Electoral System; Unification Church Scandal; Japan

Pengenalan

Peristiwa pembunuhan bekas Perdana Menteri Jepun, Shinzo Abe pada 8 Julai 2022 telah mengejutkan seluruh dunia.¹ Abe yang merupakan Perdana Menteri Jepun paling lama berkhidmat ditembak mati ketika berucap bagi menyokong calon Parti Liberal Demokratik (LDP) di luar Stesen Yamato-Saidaiji di Bandar Nara, Prefektur Nara.² Pembunuhan Abe adalah mengejutkan kerana berlaku di negara yang mengawal ketat penggunaan senjata api dan keganasan. Pembunuh yang dikenali sebagai Tetsuya Yamagami telah ditahan di tempat kejadian dan hasil siasatan polis mendapati bahawa beliau pada memang berniat untuk melakukan pembunuhan tersebut.

Abe yang berumur 67 tahun disahkan meninggal dunia setelah lebih lima jam ditembak. Pembunuhan Abe telah mendedahkan tentang hubungan antara parti pemerintah, LDP dan *Universal Peace Federation Reunification Church (Unification Church)* yang selama ini tidak menjadi tumpuan di Jepun. Sejak pembunuhan Abe, pelbagai pendedahan tentang hubungan rapat antara LDP dengan *Unification Church* telah dibongkarkan. Ini seterusnya menjatuhkan populariti pentadbiran Perdana Menteri, Fumio Kishida. Peristiwa ini juga menggoyahkan kepercayaan orang ramai terhadap kerajaan dan LDP.

Artikel ini membincangkan tentang peristiwa pembunuhan Abe dan hubungannya dengan persaingan politik, sistem pilihan raya dan *Unification Church* di Jepun. Artikel ini berhujah bahawa persaingan dalam politik Jepun terutamanya untuk memenangi pilihan raya telah menyebabkan mereka mengadakan hubungan dengan kumpulan penyokong tertentu tanpa mengambil kira latar belakang kumpulan tersebut. Ahli politik memerlukan sokongan dari kumpulan-kumpulan penyokong yang ramai dan pada masa yang sama kumpulan tersebut memerlukan sokongan dari parti politik demi survival kumpulan mereka. Oleh itu berlaku hubungan timbal balik antara mereka sehingga berlaku peristiwa pembunuhan Abe.

Ulasan Karya

Peristiwa pembunuhan Abe telah menjadi beberapa tajuk penyelidikan oleh beberapa orang pengkaji. Pada tahun 2022, Shinji Kitaoka telah menerbitkan artikel bertajuk *Achievements by Abe Shinzo, Former Prime Minister of Japan*, iaitu artikel selepas kematian Abe. Kitaoka telah membincangkan berapa dasar, strategi dan prinsip dalam bidang keselamatan dan diplomasi ketika Abe menjadi perdana menteri. Kitaoka menyifatkan Abe sebagai seorang ahli politik paling berpengaruh era pasca perang yang harus diingati kerana memperkenalkan dasar keselamatan dan diplomasi Jepun melangkaui sempadan tradisi Jepun. Antara yang paling signifikan adalah meluluskan pembaharuan

ketenteraan yang membenarkan penempatan Pasukan Pertahanan Diri Jepun (SDF) ke luar negara pada tahun 2015 yang sangat kontroversi. Selain itu, Abe juga telah mengubah dasar luar Jepun dengan meningkatkan penglibatan Jepun dalam isu global dan mengukuhkan peranan bebasnya dalam politik serantau dengan inisiatif menuju *Free and Open Indo-Pacific* (FOIP).

Soichiro Saeki dalam artikel bertajuk *Preventing the Worst, Recovering with Resilience* membincangkan tentang kesan tragedi pembunuhan Abe ke atas kesihatan awam di seluruh Jepun. Penggunaan senjata api buatan sendiri untuk membunuh Abe telah mencetuskan perdebatan baharu mengenai kawalan senjata api dan mengakibatkan kesan meluas kepada kesihatan mental di Jepun. Tambahan pula, liputan media yang meluas telah memudaratkan lagi kesihatan mental orang awam Jepun terutamanya dari aspek kegelisahan keselamatan. Oleh itu Saeki berhujah isu tersebut harus ditangani dengan cara yang terbaik serta dapat membina kembali keyakinan terhadap keselamatan masyarakat yang selamat dan berdaya tahan untuk semua.

Levi McLaughlin dalam artikel bertajuk *The Abe Assassination and Japan's Nexus of Religion and Politics* membincangkan tentang penolakan berterusan orang Jepun terhadap institusi dan organisasi agama dalam politik Jepun. Peristiwa pembunuhan Abe merupakan manifestasi kepada penolakan agama kerana kebimbangan suburnya unsur ekstremisme yang berpunca dari terlalu obsess kepada agama. Mereka bimbang peristiwa Perang Dunia Kedua akan berulang yang melahirkan golongan ekstremisme hasil ajaran Shinto yang sanggup melakukan apa sahaja termasuk berkorban demi maharaja. Dalam konteks pembunuhan Abe, dorongan kemarahan terhadap hubungan ahli politik dengan organisasi agama telah menguatkan lagi kebimbangan tentang agama di Jepun. Levi McLaughlin mendapati bahawa pembunuhan Abe dan pilihan raya peringkat tempatan pada April 2023 merupakan titik permulaan kepada panik moral terkini tentang agama dalam kalangan orang awam Jepun dan perkara yang sama akan berlaku lagi pada masa akan datang jika ekstremisme agama tidak dibendung.

Miu N. Takagi dalam artikel bertajuk *The Effects of Political Martyrdom on Election Results: The Assassination of Abe* mengkaji kesan pembunuhan Abe terhadap pilihan raya dan lanskap politik Jepun. Takagi memperolehi data dari Twitter untuk mengkaji kesan pilihan raya Dewan Tinggi Jepun pada tahun 2022. Analisis sentimen dan pengesanan emosi ke atas lebih 2 juta ciapan (tweet) dilakukan dan kemudiannya membandingkan dengan ciapan pilihan raya sebelumnya. Penemuan kajian menunjukkan bahawa sentimen Twitter terjejas secara negatif akibat peristiwa tersebut dalam jangka pendek. Ini seterusnya menunjukkan bagaimana “necropolitics” mempengaruhi keputusan pilihan raya yang memihak kepada parti si mati. Oleh itu, kajian Takagi telah menyimpulkan bahawa kematian Abe telah mempengaruhi dalam pilihan raya dewan tinggi terutamanya melalui undi belas ehsan.

Dari perbincangan di atas, terdapat jurang penyelidikan yang masih kosong dalam pengkajian mengenai pembunuhan Abe seperti yang dilakukan oleh pengkaji. Ulasan karya yang buat ke atas kajian Kitaoka, Saeki, Levi dan Takagi menunjukkan tidak ada persamaan dari segi tema dan persoalan kajian yang dilakukan pengkaji. Kajian oleh Kitaoka memfokuskan kepada dasar, strategi dan prinsip dalam bidang keselamatan dan diplomasi semasa pentadbiran Abe. Kajian Kitaoka adalah bagi memperingati pencapaian sepanjang pentadbiran Abe iaitu dari tahun 2006-2007 dan dari tahun 2012-2020. Manakala Soichiro Saeki membincangkan tentang kesan tragedi pembunuhan Abe ke atas kesihatan mental termasuk kesan psikologi rakyat Jepun akibat penggunaan senjata api buatan sendiri. Levi pula memfokuskan kepada penolakan berterusan orang Jepun terhadap institusi dan organisasi agama dalam politik Jepun. Kebimbangan yang institusi agama akan melahirkan golongan ekstremisme yang akhirnya akan membawa kepada perkara yang dibimbangi, iaitu keganasan dan pembunuhan seperti yang berlaku ke atas Abe. Terakhir, Takagi mengkaji kesan pembunuhan Abe terhadap pilihan raya dan lanskap politik Jepun yang menunjukkan kematian Abe telah menyumbang kepada undi

belas ehsan rakyat kepada kerajaan LDP dalam pilihan raya dewan tinggi tahun 2022.

Konsep Persaingan Politik dan Sistem Pilihan Raya Jepun

Konsep persaingan politik merujuk kepada persaingan antara individu, kumpulan, atau organisasi untuk mendapatkan, mengekalkan atau mencabar kuasa dalam politik.³ Dalam sistem demokrasi, konsep ini merujuk kepada pemahaman bahawa politik adalah tentang persaingan antara berbagai aktor politik untuk memperoleh kekuasaan dan mempengaruhi proses pembuatan keputusan.⁴ Oleh itu persaingan politik sentiasa menjadi tema utama dalam kajian politik, sama ada dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa. Di peringkat antarabangsa, perebutan kuasa dan keamanan antara negara adalah fokus utama, seperti yang diujahkan oleh Hans Morgenthau.⁵ Bagi politik dalaman negara pula, persaingan politik berkait rapat dengan fenomena untuk menguasai tampuk kepimpinan negara oleh kumpulan politik tertentu. Dengan kata lagi, kumpulan ini bermatlamat untuk menguasai politik, ekonomi, ketenteraan dan lain-lain dalam sesuatu negara. John Sides et. al dalam kajiannya bertajuk “*Campaigns and Elections*” berhujah bahawa bentuk persaingan politik adalah seperti perdebatan antara ahli politik di parlimen, perjuangan mendapatkan kemenangan dalam pilihan raya, perjuangan revolusi dan gerakan gerila.⁶ Konsep persaingan politik berdasarkan analisis beliau adalah berhubung dengan konflik, propaganda dan manifestasinya. Matlamat akhir pelaksanaan persaingan politik adalah untuk mendapatkan kuasa.⁷ Persaingan politik boleh menjadi konstruktif yang mendorong kepada penyuburan demokrasi atau sebaliknya boleh merosakkan yang membawa kepada pepecahan dan pergolakan, bergantung kepada bagaimana ia diuruskan.

Di Jepun, persaingan politik mengalami perubahan ketara sejak seabad yang lalu. Żakowski berhujah bahawa perubahan yang dimaksudkan adalah dari persaingan antara berpuak-puak dalam LDP pada era pasca Perang Dunia Kedua sehingga kemunculan sistem dua parti berikutan pembaharuan dalam sistem pilihan raya Dewan Rendah pada tahun 1994.⁸ Pada era persaingan antara puak politik menyaksikan persaingan intra parti berlaku, iaitu antara puak-puak politik dalam LDP yang dominan dan inter parti iaitu antara LDP dengan parti-parti kecil yang lain seperti *Japan Socialist Party* (JSP) dan Parti Komunis Jepun (JCP).⁹ Manakala pasca reformasi sistem pilihan raya pula menyaksikan persaingan kuasa antara dua parti besar iaitu LDP dan Parti Demokratik Jepun (DPJ).¹⁰ Kedua-dua parti ini berpecah dari segi isu-isu utama seperti ekonomi dan dasar pertahanan yang dijadikan hujahan untuk mendapatkan kuasa politik.

Perubahan persaingan politik di Jepun berlaku berikutan pelbagai masalah seperti korupsi, kepimpinan dan pepecahan dalam LDP.¹¹ Pada masa yang sama persaingan politik berhadapan pelbagai cabaran, termasuk kemelesetan ekonomi dan keperluan untuk pembaharuan struktur.¹² Era pentadbiran Junichiro Koizumi contohnya membawa perubahan ketara yang mendorong kepada tercabarnya amalan LDP tradisional yang paksikan kepada puak politik kepada sistem dua parti.¹³

Oleh itu dapat dikatakan bahawa persaingan politik adalah fenomena kompleks yang bertujuan untuk mencapai matlamat tertinggi iaitu kuasa. Kepimpinan politik sentiasa berusaha untuk mencapai matlamat tertinggi mereka dengan menggunakan strategi-strategi politik seperti bekerjasama dengan kumpulan-kumpulan penyokong tertentu atau individu terutamanya semasa kempen pilihan raya.

Dari segi sistem pilihan raya, persaingan politik yang intensif berlaku dalam kalangan ahli politik apabila sistem pilihan raya Dewan Rendah baharu telah berjaya diluluskan pada tahun 1994. Sistem pilihan raya tersebut merupakan campuran *Single Member District* (SMD) dan *Proportional Representative* (PR). Jadual 1 dan 2 menunjukkan secara terperinci sistem pilihan raya Dewan Rendah berbanding sistem pilihan raya Dewan Tinggi dan tempatan. Dari jadual tersebut dapat diketahui bahawa setiap pilihan raya diadakan secara berasingan dengan pilihan raya lain. Namun, kedua-dua pilihan raya Dewan Rendah dan Tinggi adalah bagi melantik wakil di dwi-parlimen. Manakala pilihan

raya tempatan adalah bagi melantik wakil di peringkat kerajaan tempatan.

Walau bagaimanapun, kajian ini hanya menumpukan kepada sistem pilihan raya Dewan Rendah kerana ia merupakan dewan terpenting dalam sistem pentadbiran Jepun. Parti yang mendapat majoriti tertinggi melalui pilihan raya ini akan menjadi pemerintah selama empat tahun. Dari segi bilangan kerusi pula, sebanyak 465 kerusi dipertandingkan dan bilangan hari berkempen adalah selama 12 hari. Sistem pilihan raya SMD dikenali juga sebagai *First Past the Post* (FPTP) yang menyaksikan pengundi memilih hanya seorang calon dari kalangan beberapa orang calon yang bertanding. Calon-calon boleh mewakili parti politik atau sebagai calon bebas. Kemenangan calon yang bertanding dalam SMD ditentukan melalui undi paling banyak diperolehi.¹⁴ Contohnya 51 peratus dan lebih undi diperlukan bagi memastikan kemenangan sekiranya calon yang bertanding adalah dua orang.¹⁵

Manakala melalui PR pula, pengundi mengundi parti sahaja dan tiada calon bebas bertanding melalui sistem pilihan raya ini. Pengundi memilih parti pilihan mereka untuk mewakili wilayah yang dibahagikan kepada 11 buah bagi seluruh Jepun. Parti menentukan senarai nama calon yang tidak didedahkan kepada umum dan pengundi tiada suara bagi memilih calon mereka.¹⁶ Jumlah kerusi dalam PR juga bergantung kepada keluasan wilayah dan kepadatan penduduk. Pemenang pula ditentukan melalui kaedah pengiraan *d'hont* iaitu menggunakan formula pengiraan purata tertinggi bagi pengagihan kerusi. Parti yang memperolehi jumlah purata tertinggi akan memperolehi kerusi yang dipertandingkan. Manakala penentuan sebagai pemerintah ditentukan melalui parti yang mendapat kerusi terbanyak. Sekiranya tidak terdapat majoriti, kerajaan campuran akan dibentuk seperti yang berlaku apabila LDP membentuk kerajaan campuran dengan Parti Komeito Baharu pada tahun 1996 sehingga sekarang.¹⁷

Jadual 1: Jenis Pilihan Raya

Jenis pilihan raya	Jenis pilihan raya	Nota
Peringkat kerajaan pusat	Pilihan raya Dewan Rendah	Diadakan berasingan
	Pilihan raya Dewan Tinggi	
Peringkat Kerajaan tempatan	Pilihan raya Dewan Prefektur	Diadakan berasingan
	Pilihan raya peringkat Munisipal	

Diubah suai dari: Ministry of Internal Affairs and Communications.

https://www.soumu.go.jp/senkyo/senkyo_s/naruhodo/naruhodo03.html.

Jadual 2: Pilihan Raya Dewan Rendah	
Sistem pilihan raya	<i>First Past the Post + Proportional Representative</i>
Jumlah kerusi	465
Tempoh kempen pilihan raya	12 hari
Penentu pemerintah	Majoriti

Diubah suai dari: Ministry of Internal Affairs and Communications.

https://www.soumu.go.jp/senkyo/senkyo_s/naruhodo/naruhodo03.html.

Dari sistem pilihan raya yang digunakan dapat diketahui bahawa ianya bersifat persaingan politik yang ketat. Ianya mendorong wujudnya sistem dua parti berbanding sistem pilihan raya yang sebelum ini yang hanya mewujudkan satu parti dominan dan parti-parti kecil yang lain.¹⁸ FPTP dan PR menggalakkan calon-calon serta parti-parti politik sentiasa cuba memenangi undi dengan pelbagai cara. Oleh itu kempen pilihan raya yang cekap adalah sangat penting untuk berjaya dalam pilihan raya. Kepelbagaian dalam cara berkempen adalah perlu, tidak hanya melalui cara tradisional iaitu calon pilihan raya berjumpa secara fizikal dengan pengundi, tetapi juga melalui media sosial dan pendekatan lain yang dianggap sesuai untuk mendapatkan undi. Kerjasama dengan kumpulan penyokong dan individu juga signifikan dalam menentu kemenangan seseorang calon. Selain itu, tempoh masa berkempen yang singkat menyebabkan mereka perlu menggunakan semaksimum mungkin peluang yang ada dengan mendekati pengundi dan bersaing dengan parti-parti lain. Oleh kerana sistem pilihan raya memerlukan persaingan politik yang sangat intensif, maka menggunakan pelbagai medium berkempen dalam pilihan raya adalah satu kemestian. Bantuan dari kumpulan dan individu adalah tidak dapat ditolak jika ditawarkan. Adalah menjadi satu kerugian jika tidak menggunakan sumber berkempen yang ada sepenuhnya.

Pembunuhan Shinzo Abe

Pembunuh Abe yang bernama Tetsuya Yamagami mendedahkan motif pembunuhan adalah kerana dendam terhadap *Unification Church* berikutan kemuflian ibunya pada tahun 2002. Bukan itu saja, kemuflian ibunya menyebabkan kemusnahan kehidupan keluarga mereka. Yamagami mendedahkan ibunya merupakan pengikut tegar pertubuhan agama tersebut sehingga sanggup membuat apa sahaja demi menjayakan matlamat ajaran tersebut. Ibunya terpengaruh dengan ajaran agama sehingga menjual tanah milik datuknya. Hasil jualan sebanyak 100 juta yen (\$720,000) didermakan kepada pertubuhan agama tersebut.¹⁹

Abe pula dikaitkan dengan *Unification Church* kerana didapati mempunyai hubungan dengan kumpulan tersebut. Yamagami mendapati Abe menyokong *Unification Church* apabila melihat video Abe memberi ucapan yang menyatakan sokongan kepada gerakan keamanan dunia yang diterajui oleh Presiden *Unification Church*, Han Hak Ja dan ahli kumpulan di suatu majlis di Korea Selatan pada September 2021.²⁰ Manakala pihak *Unification Church* pula mengakui menerima ucapan Abe di majlis yang dianjurkan oleh mereka. Oleh itu, Yamagami mengalihkan tumpuan dendam dari pemimpin *Unification Church* kepada Abe kerana beranggapan beliau menjadi punca kepada perkembangan *Unification Church* di Jepun.

Semasa sidang akhbar pada 11 Julai 2022, Pengerusi *Unification Church* Jepun, Tomihiro Tanaka mengakui bahawa Yamagami bukan pengikut kumpulan tersebut dan tiada rekod beliau menjadi pengikut pada masa lalu. Manakala ibu Yamagami adalah pengikut kumpulan tersebut²¹ dan

telah menghadiri upacara gereja sekali sebulan. Tanaka juga menyatakan bahawa ibu Yamagami mula menyertai gereja mereka pada tahun 1998.²²

Walau bagaimanapun, Tanaka menafikan sebarang hubungan serius antara *Unification Church* dengan Abe atau LDP.²³ Dari segi sumber kewangan pula, Tanaka menegaskan sumbangan yang dibuat oleh ahli adalah atas kerelaan individu sendiri dan jumlah derma adalah berdasarkan kemampuan. Sumbangan bukan satu kewajipan individu dan rayuan derma tidak dibuat sehingga menyebabkan seseorang jatuh muflis.²⁴ Oleh itu terdapat individu yang menderma dalam jumlah yang besar dan ada yang kecil. Walau bagaimanapun, segala sumbangan yang diterima dilaporkan kepada kerajaan setiap tahun. Oleh itu tiada keraguan dalam penerimaan sumbangan dari ahli kepada organisasi mereka kerana semuanya adalah telus.

Kontroversi *Unification Church*

Unification Church secara rasmi dikenali sebagai *The Family Federation for World Peace and Unification*. *Unification Church* diasaskan di Korea Selatan pada tahun 1954 oleh Sun Myung Moon yang mengaku dirinya sebagai pendeta (mesias). Manakala ahli-ahlinya dikenali sebagai Moonies yang mengambil nama sempena pengasas, Moon.²⁵ *Unification Church* mempunyai cawangan di seluruh dunia termasuk di Jepun, Amerika Syarikat, United Kingdom dan Perancis. Menurut agensi akhbar Yonhap, bilangan pengikut seluruh dunia adalah 3 juta orang.²⁶ Cawangan *Unification Church* di Jepun diiktiraf sebagai organisasi agama dan diletakkan di bawah perundangan agama (religious juridical) berdaftar. Dengan status tersebut, *Unification Church* memegang status korporat dan menikmati pelbagai faedah cukai. Dari segi keahlian pula, jumlah ahli *Unification Church* di Jepun adalah tidak jelas. Walau bagaimanapun, *Unification Church* yang telah beroperasi selama beberapa dekad mempunyai lebih dari 100,000 ahli aktif. Walau bagaimanapun dipercayai jumlah ini lebih ramai berikutan terdapat dalam kalangan ahlinya termasuk ahli keluarga mereka yang tidak berdaftar dan menjadi ahli senyap. Pengambilan bahagian secara aktif ahli di Jepun dapat dilihat pada tahun 1980-an hingga 1990 apabila sebilangan besar penganut Jepun datang ke Korea Selatan untuk mengambil bahagian dalam upacara perkahwinan beramai-ramai dan lebih 10,000 ahli Jepun berkahwin dalam majlis seumpama itu tinggal di Korea Selatan sehingga ke hari ini.²⁷

Sebelum pembunuhan Abe, *Unification Church* telah dikaitkan dengan pelbagai kontroversi di Jepun. Salah satunya adalah isu penjualan rohani yang dilakukan secara besar - besaran kepada masyarakat Jepun. Di antara tahun 1987 hingga 2021, *Unification Church* telah terlibat dalam 30,000 kes penjualan rohani dengan nilai melebihi 123.7 bilion yen (US\$850 juta) atau 10 bilion yen (US\$67 juta) setahun.²⁹ Menurut Rangkaian Peguam Negara Jepun Menentang Jualan Rohani (*Japan's National Network of Lawyers Against Spiritual Sales*),³⁰ *Unification Church* dianggap sebagai organisasi jenayah kerana mengamalkan penipuan penjualan rohani yang bernilai tinggi kepada pengikutnya dan dianggap sebagai menyalah guna status keagamaan.³¹ Selain itu penjualan rohani juga menggambarkan *Unification Church* sebagai kultus yang menyalahi undang-undang Jepun.³² Dari perspektif pengikut pula, kesediaan mereka membeli rohani dengan harga yang mahal kerana percaya akan mendapat pembebasan daripada karma nenek moyang yang buruk.³³ Dengan kata lain, ajaran *Unification Church* menjanjikan pengampunan dan kebaikan dari peristiwa buruk yang akan berlaku ke atas mereka jika membeli rohani *Unification Church*.

Oleh itu terdapat desakan supaya *Unification Church* dibubarkan pada tahun 2006 apabila Rangkaian Peguam Negara Menentang Jualan Rohani menghantar surat terbuka kepada Perdana Menteri Abe dan Menteri Kehakiman Nagase Jinen, serta Menteri Kehakiman Yasuoka Okiharu. Walau bagaimanapun desakan mereka diabaikan.³⁴ Manakala pada 13 Oktober 2006, rangkaian peguam sekali lagi menghantar surat terbuka kepada kementerian dan mengadakan perhimpunan di

Bangunan Pejabat Ahli Parlimen dengan mendesak ketiga-tiga mereka untuk memenuhi akauntabiliti mereka. Sekali lagi perkara ini dipandang sepi oleh pihak berwajib.

Walaupun kontroversi *Unification Church* dipandang sepi, namun peristiwa pembunuhan Abe telah membuka kembali kontroversi yang memalukan *Unification Church* sebelum ini.³⁵ Pada November 2022, Agensi Hal Ehwal Kebudayaan (*Agency for Cultural Affairs*) telah menghantar lebih 500 soalan kepada *Unification Church* menggunakan “hak untuk menyoal” di bawah Undang-undang Perbadanan Agama (*Japan's Religious Corporation Law*) Jepun.³⁶ Pertanyaan adalah meliputi isu-isu seperti jualan rohani dan sistem pengambilan anak angkat dalam kumpulan tersebut. Pada Oktober 2023, kementerian meminta Mahkamah Daerah Tokyo mengeluarkan perintah untuk membubarkan *Unification Church* berikutan kumpulan itu telah mengumpul sekitar ¥20.4 bilion derma daripada pengikutnya dengan menimbulkan ketakutan dan kebimbangan kepada mereka.³⁷

Latar Belakang Hubungan *Unification Church* - LDP

Unification Church di Jepun mula aktif di Jepun semenjak ia menyokong gerakan anti komunis oleh Perdana Menteri Nobusuke Kishi dari tahun 1957.³⁸ LDP yang rapat dengan *Unification Church* cenderung berhaluan kanan yang anti komunis. Pada zaman pentadbiran Kishi, Osami Kuboki, pengerusi pertama *Unification Church* di Jepun mengatakan bahawa persahabatan dengan Kishi membolehkan mereka memainkan peranan penting dalam menjayakan gerakan menghapuskan komunisme di Jepun. Bagi menjayakan lagi gerakan anti komunis, pada tahun 1968, *Unification Church* menubuhkan kumpulan politik yang dipanggil Persekutuan Antarabangsa untuk Kemenangan ke atas Komunisme (IFVOC).³⁹ Ryoichi Sasakawa yang merupakan pengasas Yayasan Industri Pembinaan Kapal Jepun (kini Yayasan Nippon), menjadi pengerusi kehormat kumpulan agama tersebut. Kishi dan Sasakawa mempunyai hubungan yang baik sejak kedua-duanya dipenjarakan di Penjara Sugamo, Tokyo selepas Perang Dunia Kedua oleh tribunal jenayah perang Tokyo. Sasakawa bertindak sebagai penghubung antara Kishi dan *Unification Church* dalam gerakan anti komunis. Oleh itu Kishi mempunyai pemahaman yang kuat tentang *Unification Church* yang menggerakkan keamanan dunia tanpa komunis seperti yang diperjuangkan oleh *Unification Church*.

Selain itu, dalam majalah *Unification Church*, Kajikuri Gentaro, bekas pengarah IFVOC bekerjasama dengan Kishi Nobusuke dalam merangka perlembagaan Jepun yang bebas dan enakmen undang-undang anti pengintipan. Kajikuri juga mempunyai hubungan dengan menantu Kishi iaitu bekas menteri luar negeri Shintaro Abe, yang juga bapa Shinzo Abe di mana setiap bulan mereka mengadakan mesyuarat bagi menjelaskan tentang perkembangan *Unification Church*.⁴⁰

LDP dan *Unification Church* menjadi lebih rapat selepas kejatuhan Tembok Berlin pada tahun 1989. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama, Moon menghentikan serangan IFVOC terhadap komunisme. Malahan Moon bertemu dengan bekas pemimpin Korea Utara Kim Il Sung pada tahun 1991. IFVOC yang kecewa dengan tindakan Moon dan *Unification Church* di Korea Selatan menjadikan cawangan *Unification Church* di Jepun sebagai wadah untuk meneruskan agenda anti komunisnya. Perkara ini berterusan sehingga sekarang yang menyaksikan agenda anti komunisnya disokong oleh LDP sebagai parti konservatif.

Hubungan LDP - *Unification Church* - Sumbangan Kewangan dan Menjana Undi

Seperti dibincangkan di atas, sistem pilihan raya yang digunakan di Jepun telah mendorong persaingan politik di mana setiap ahli politik mengadakan hubungan rapat dengan semua pihak supaya undi dapat diberikan kepada mereka semaksimum mungkin. Mereka juga sentiasa mengalu-alukan sesiapa sahaja termasuk organisasi tertentu memberi bantuan sama ada dari segi kewangan atau tenaga terutamanya

dalam kempen pilihan raya. Oleh itu sistem pilihan raya yang digunakan di Jepun menyebabkan setiap undi dari individu atau kumpulan termasuk kumpulan agama benar-benar signifikan.

Selain itu, disebabkan kekangan peraturan-peraturan pilihan raya, ahli politik perlu bergantung kepada sukarelawan dalam kebanyakan kempen pilihan raya. Ahli politik dibenarkan membayar pekerja kempen pilihan raya seperti pembantu yang merayu undi melalui rayuan berkereta, membayar kepada pemandu dan kakitangan perkeranian. Ahli politik boleh mengupah 25 pekerja untuk tempoh kempen rasmi 12 hari yang menelan belanja sekitar US\$36,000. Walaupun mendapat bantuan dari pekerja, tetapi kempen pilihan raya tidak efektif tanpa sukarelawan. Ini kerana sukarelawan dapat berkhidmat tanpa upah dan jumlah mereka tidak terhad di samping mempunyai jaringan dengan penduduk-penduduk tempatan.

Shinzo Abe terkenal sebagai pemimpin LDP yang sangat memahami cara menggunakan sokongan kumpulan agama. Ini kerana Abe mewarisi hubungan rapat dengan *Unification Church* daripada datuknya, Kishi dan bapanya, Shintaro Abe. Pada Mei 2006, beberapa bulan sebelum menjadi Perdana Menteri buat kali pertama, Abe yang merupakan Ketua Setiausaha Kabinet LDP menghantar telegram tahniah kepada *Unification Church*. Pada tahun 2012 apabila kembali berkuasa selepas tiga tahun menjadi pembangkang, Abe meneruskan pentadbirannya dengan mendapat sokongan dari *Unification Church*. Mesej serupa dihantar kepada organisasi yang sama tahun 2021 sehingga dianggap oleh Yamagami bahawa Abe mempunyai hubungan istimewa dengan *Unification Church*. LDP yang diketuai Abe mendapat kemenangan besar dengan 294 daripada 480 kerusi Dewan Rendah pada pilihan raya tahun 2012. Abe yang menjadi presiden LDP buat kali kedua pada tahun tersebut, mengetuai usaha untuk mendapatkan undi dari *Unification Church*.

Sokongan *Unification Church* bukan hanya kepada Abe tetapi juga kepada ahli politik LDP yang lain. Menteri Pertahanan Nobuo Kishi, abang sepupu kepada Abe mengakui menerima sokongan dalam pilihan raya yang lepas daripada *Unification Church*.⁴¹ Beliau mengakui perlu menilai semula hubungannya dengan *Unification Church* dengan teliti setelah pembunuhan Abe.⁴² Seiko Noda, menteri yang bertanggungjawab menangani penurunan kadar kelahiran Jepun mengakui setiausahanya telah menghadiri acara yang berkaitan dengan *Unification Church*.⁴³ Setiausaha Noda pula mengakui *Unification Church* banyak membantu dalam kerja-kerja sukarelawan. Pengikut *Unification Church* membawa rakan mereka bersama-sama dan membantu membuat panggilan telefon dan mengedarkan risalah parti. Mereka bekerja keras secara percuma bagi memenangkan calon yang disokong. Pada masa yang sama ahli politik LDP tidak boleh mengatakan tidak kepada bantuan sedemikian hanya kerana mereka berfahaman agama tertentu. Penerimaan bantuan dari *Unification Church* adalah penting kerana sistem pilihan raya sendiri yang mendorong ahli politik bersaing untuk mendapatkan kemenangan.

Walaupun Tanaka dalam sidang akhbar menafikan bantuan dari segi politik kepada ahli politik⁴⁴ tetapi tinjauan *Kyodo News* pada Ogos 2022 iaitu selepas peristiwa pembunuhan Abe mendapati bahawa lebih 100 orang daripada 712 ahli parlimen Jepun telah mengaku mempunyai hubungan dengan *Unification Church*.⁴⁵ Lebih menarik lagi, 80% daripada 100 orang tersebut adalah merupakan ahli politik LDP. Hubungan antara mereka adalah dari segi pemberian peluang untuk berucap dalam majlis berkaitan dengan *Unification Church* dan menerima sokongan daripada ahli *Unification Church* dalam pilihan raya.⁴⁶ Beberapa ahli politik LDP turut menjawab bahawa mereka sebenarnya telah membayar yuran keahlian kepada *Unification Church* dan bukannya menerima wang. Oleh itu, perkara asas hubungan antara *Unification Church* dan ahli politik LDP adalah dari segi mendapatkan sokongan dan undi kumpulan tersebut.

Dalam pilihan raya Dewan Tinggi pada Julai 2024, *Unification Church* menyokong calon LDP Yoshiyuki Inoue, yang pernah berkhidmat sebagai setiausaha Abe. Inoue yang merupakan ahli kumpulan agama tersebut memenangi pilihan raya dengan 165,000 undi. Jumlah ini adalah lonjakan

ketara daripada 88,000 undi yang diperolehi beliau dalam pilihan raya Dewan Tinggi tahun 2019, yang beliau kalah.⁴⁷ Sumbangan *Unification Church* yang dapat menambah hampir separuh daripada jumlah undi adalah sangat signifikan. *Unification Church* merupakan antara penyumbang kepada peningkatan jumlah undi kepada Inoue. Jumlah peningkatan undi lebih dari 80,000 adalah ketara berbanding undi organisasi penyokong kuat LDP lain seperti koperasi pertanian Jepun sekitar 150,000 hingga 200,000.⁴⁸ LDP yang terdesak untuk mendapatkan undi daripada mana-mana kumpulan atau organisasi untuk berkuasa oleh itu bersedia untuk bekerjasama dengan mana-mana organisasi yang sedia menyokongnya.

Dari segi sumbangan kewangan pula, menurut soal selidik yang dijalankan oleh Kyodo News terhadap semua ahli parlimen Jepun, hanya dua orang yang menjawab bahawa mereka menerima sumbangan wang politik daripada organisasi atau orang yang dikaitkan dengan *Unification Church*. Kedua-duanya mereka adalah Hakubun Shimomura, Menteri Pendidikan, Budaya, Sukan, Sains dan Teknologi⁴⁹ dan Yuichiro Tamaki, ketua pembangkang *Democratic Party for the People*. Walau bagaimanapun sumbangan yang diterima adalah kecil dengan masing-masing \$430 dan \$215.⁵⁰ Oleh itu sumbangan kewangan dari *Unification Church* tidak signifikan berbanding sumbangan tenaga semasa berkempen dalam pilihan raya.

Jadi, mengapa *Unification Church* menyokong LDP? Masaki Nakamasa, profesor Universiti Kanazawa berhujah sebagai balasan kepada sokongan yang diberikan dalam kempen pilihan raya, kumpulan agama dapat merapatkan hubungan dengan ahli politik LDP.⁵¹ Seterusnya mereka dapat melobi untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Eito Suzuki, seorang wartawan bebas yang telah mengkaji tentang *Unification Church* selama dua dekad berhujah bahawa kumpulan itu pada tahun 2007 memperuntukkan 5 juta yen sebulan kepada pasukan perhubungan awamnya untuk membina rangkaian dengan ahli parlimen. Seperti dijelaskan di atas, *Unification Church* melalui ketuanya Moon bersahabat baik dengan ahli politik sayap kanan tertinggi seperti Nobusuke Kishi. Mereka telah membina jaringan sepanjang tempoh Perang Dingin. Osami Kuboki yang merupakan bekas pengerusi *Unification Church* di Jepun mengatakan bahawa sokongan Kishi adalah kunci kepada perjuangan menentang perluasan komunisme.

Pada masa kini, satu bidang yang *Unification Church* cuba pengaruhi adalah pembuatan dasar kerajaan mengenai isu jantina dan orientasi seksualiti. Jepun kekal sebagai satu-satunya negara Kumpulan Tujuh yang tidak mengiktiraf perkahwinan sesama jantina secara sah. Menurut Masami Saito, pakar feminisme dan profesor di Universiti Toyama, *Unification Church* sangat berminat dengan topik jantina dan seksualiti. *Unification Church* bimbang norma heteroseksual semakin runtuh dan pada masa yang sama masalah cinta dan hubungan sejenis semakin meningkat di negara yang membenarkan perkahwinan sesama jantina. Ini sejajar dengan ajaran kitab suci kumpulan itu, Prinsip Ilahi (*Divine Principle*) yang melarang keras hubungan sebelum nikah dan hubungan sesama jantina. Ini juga seiring dengan ajaran agama yang menekankan hanya perkahwinan heteroseksual antara jantina berbeza yang boleh melahirkan anak yang bebas daripada dosa. Moon sendiri terkenal dengan sering “memberkati” perkahwinan besar-besaran oleh beribu-ribu ahli secara serentak.⁵² Malahan anak-anak dipaksa oleh ibu bapa mereka untuk mematuhi kod keperawanan gereja iaitu tiada hubungan seks sebelum berkahwin.⁵³

Pengaruh *Unification Church* menjadi tumpuan apabila pada 16 Jun 2021, Jepun meluluskan undang-undang anti-LGBTQ.⁵⁴ Kelulusan undang-undang anti LGBTQ kebanyakan disokong oleh ahli paling sayap kanan LDP yang kebanyakannya mempunyai hubungan dengan kumpulan konservatif seperti *Unification Church*. Pada tahun 2021 juga LDP gagal mengemukakan rang undang-undang rentas parti kepada parlimen untuk menggalakkan kesedaran LGBTQ di kalangan orang ramai. Walaupun rang undang-undang menyasarkan kelulusan sebelum Sukan Olimpik Tokyo 2021, tetapi ahli politik konservatif LDP menentang dengan alasan bahawa kemasukan klausa

tersebut akan menyebabkan diskriminasi berdasarkan orientasi seksual atau identiti jantina.

Sejarah perjuangan *Unification Church* dalam isu LGBTQ dapat dilihat pada tahun 2003. *Unification Church* telah terlibat dalam dasar kerajaan tempatan bandar Miyakonojo, di wilayah Miyazaki. Pada masa ini, kerajaan tempatan pertama di Jepun dalam rancangan untuk menggubal ordinan yang menghormati kesaksamaan jantina sebagai hak asasi manusia, termasuk tanpa mengira jantina dan orientasi seksual. *Unification Church* telah memainkan peranan dengan mengedar risalah anti-LGBTQ kepada orang awam. Media *Unification Church* juga kerap dan secara negatif melaporkan tentang ordinan itu. Tiga tahun kemudian, apabila bandar tersebut bergabung dengan majlis perbandaran jiran, ordinan itu digubal semula di bawah Datuk Bandar baharu dengan bahagian “orientasi seksual” dibuang. Dengan itu jelas pengaruh *Unification Church* di peringkat akar umbi - membina rangkaian dengan ahli politik dan orang berpengaruh tempatan dalam menentang agenda LGBTQ. *Unification Church* menggerakkan ahlinya menyokong calon LDP yang anti LGBTQ dalam pilihan raya Dewan Tinggi Julai 2022. Contohnya, Yoshiyuki Inoue, seorang ahli parlimen dan bekas setiausaha Abe dipilih ke Dewan Tinggi. Inoue menentang hak gay dan perkahwinan sejenis semasa kempenya. Walaupun Inoue menafikan menerima sebarang sumbangan daripada *Unification Church*, tetapi mengakui pernah menjadi ahli tidak rasmi *Unification Church* pada masa lalu. Pembangkang Parti Demokratik Berperlembagaan mengatakan pada 1 September 2022, ahli *Unification Church* secara keseluruhan telah menyokong Inoue dalam pilihan raya tersebut dan telah diberitahu secara jelas untuk mengundinya.

Eriko Yamatani yang mempunyai hubungan rapat dengan Abe dan terkenal dengan pandangan konservatifnya mengenai pengguguran dan pendidikan seks, merupakan salah seorang ahli politik LDP yang tidak menyokong rang undang-undang LGBTQ. Yamatani mempunyai hubungan dengan *Unification Church* di Twitter. Bekas ahli parlimen dewan tinggi Parti Demokratik Berperlembagaan, Yoshifu Arita, menyiarkan dokumen dalaman yang dikongsi oleh kumpulan *Unification Church* 12 tahun lalu. Dokumen itu meminta ahli *Unification Church* mengundi Yamatani dalam pilihan raya Dewan Tinggi dan menyifatkan beliau sebagai ahli parlimen yang sangat diperlukan oleh *Unification Church*. Tanpa ahli politik seperti Yamatani matlamat *Unification Church* tidak akan dapat dipenuhi. Walaupun pejabat Yamatani menafikan dakwaan bahawa beliau mempunyai hubungan dengan gereja, dan aktiviti politiknya tidak pernah dipengaruhi oleh kumpulan itu tetapi pendedahan bahawa *Unification Church* mengarahkan ahlinya mengundi Yamatani sebagai bukti.⁵⁵

Bertentangan dengan itu, Tomomi Inada, ahli parlimen LDP yang merupakan pengerusi jawatankuasa misi khas yang memperkenalkan rang undang-undang LGBTQ dalam temu bual dengan Nikkei Asia menyatakan bahawa beliau telah kehilangan sokongan *Unification Church* sejak meneruskan agenda pro-LGBTQ. Inada berkata bahawa beliau telah menghadiri perhimpunan gereja sejak mula dipilih ke parlimen dan ramai ahli *Unification Church* menyokongnya dalam pilihan raya lepas. Walau bagaimanapun pepecahan dalam dasar berkaitan jantina menyebabkan sokongan gereja semakin tidak dapat dipastikan kepadanya. Inada mengesahkan yang pengundi *Unification Church* dan penyokong LDP berhaluan kanan telah meninggalkannya.

LDP juga muncul sebagai parti yang memenangi pilihan raya kerajaan tempatan pada April 2022 dengan 45% undi bersama rakan gabungannya, Komeito Baharu. Penyelidikan oleh Asahi Shimbun menunjukkan bahawa 90% calon ahli dewan perwakilan tempatan mempunyai hubungan dengan *Unification Church* telah dipilih semula. Dalam satu kes, Kazuyoshi Itabashi, seorang ahli LDP berusia 82 tahun yang berkhidmat di Prefektur Tochigi dan bekas ketua cawangan prefektur itu bagi *Unification Church* telah dipilih semula untuk penggal ke-14. Beliau mendapat sokongan *Unification Church* kerana anti-komunis dan bersumpah untuk tidak akan berehat sehingga “tiada seorang pun komunis yang tinggal di dunia.”⁵⁶

Jelas, sebagai balasan kepada sokongan agenda anti LGBTQ, LDP mendapat sokongan daripada pengikut *Unification Church* dalam pilihan raya. Perkara ini menjadi sangat penting selepas Jepun memperbaharui sistem pilihan raya pada 1994 yang mempunyai elemen *first-past-the-post*. Tambahan lagi, LDP dan *Unification Church* telah menikmati hubungan rapat selama beberapa dekad dan bersifat timbal balik. Malahan, hubungan menjadi lebih mudah berikutan dasar LDP dan ideologi *Unification Church* hampir sama terutamanya dalam kalangan pemimpin parti sayap kanan konservatif yang menentang LGBTQ.

Perbincangan

Berikutan terdedahnya peristiwa pembunuhan Abe, kerajaan telah mengambil beberapa tindakan bagi menangani kes *Unification Church*. Pertama, kerajaan melancarkan siasatan rasmi ke atas aktiviti mereka sejak tahun 2022. Jika didapati melanggar undang-undang atau membahayakan orang awam, *Unification Church* boleh dibubarkan dan kehilangan status perbadanan agamanya. Pada 12 Oktober 2023, Kementerian Pendidikan Jepun pula mengumumkan rancangan untuk membubarkan *Unification Church* di bawah Perkara 81 Undang-undang Ahli Kehakiman Agama (*Religious Juridical Person Law*) berikutan penyelewengan amalan agama yang sah. Ini adalah tindakan pertama seumpama itu terhadap pertubuhan agama tanpa sabitan jenayah. Mulai 7 Mac 2024, kerajaan juga meningkatkan pemantauan aset *Unification Church* di bawah undang-undang baharu yang bertujuan untuk menangani amalan pengumpulan derma yang tidak adil.⁵⁷ Kementerian kebudayaan pula menetapkan *Unification Church* sebagai sebuah perbadanan agama tertakluk kepada pemantauan ketat asetnya di bawah undang-undang khas. Organisasi ini dikehendaki menyerahkan inventori suku tahunan asetnya dan memaklumkan pihak berkuasa terlebih dahulu apabila ia melupuskan sebarang aset. Di bawah undang-undang khas yang dikuatkuasakan pada Disember 2022, perbadanan agama yang ditetapkan mesti memaklumkan kepada kementerian dan kerajaan tempatan sekurang-kurangnya sebulan lebih awal apabila melupuskan hartanah dan aset lain. Jika mereka melanggar, transaksi sedemikian akan menjadi tidak sah.

Kedua, Daishiro Yamagiwa, Menteri Pemulihan Ekonomi meletak jawatan pada akhir Oktober 2022 selepas mendedahkan bahawa beliau turut mempunyai hubungan dengan *Unification Church*. Kishida kemudiannya melantik bekas Menteri Kesihatan, Shigeyuki Goto sebagai Menteri Ekonomi bagi menggantikan Yamagiwa. Peletakan jawatan Yamagiwa merupakan peletakan jawatan pertama anggota kabinet di bawah Kishida. Kishida kemudiannya turut memecat Menteri Pembinaan Semula, Kenya Akiba kerana terlibat dengan skandal dana politik. Keputusan pemecatan tersebut dibuat ketika Kishida berusaha untuk meraih sokongan rakyat selepas populariti beliau terjejas. Pemecatan empat Menteri dalam tempoh dua bulan menyaksikan penarafan sokongan menjunam kepada 36%.

Sokongan kepada kabinet Kishida menjunam jatuh berikutan kes pembunuhan tersebut. Mengikut tinjauan akhbar-akhbar utama, Mainichi Shimbun mendapati bahawa sokongan kepada kabinet Kishida telah merosot kepada 36% daripada 52% pada pertengahan Julai 2022, iaitu tahap paling rendah sejak beliau menjadi perdana menteri pada Oktober 2021. Manakala tinjauan sokongan kepada kabinet Kishida oleh Nikkei Asia yang diterbitkan pada 12 Ogos 2022 menunjukkan sokongan untuk kabinet Kishida telah jatuh kepada 57% daripada paras tertinggi 66%. Daripada responden, 82% menyatakan rasa tidak puas hati dengan cara kerajaan mengendalikan kes *Unification Church*. Manakala tinjauan Yomiuri Shimbun yang dijalankan dari 2 September hingga 4 September 2022 menunjukkan penolakan terhadap kabinet Kishida semakin meningkat iaitu hanyalah 41%.⁵⁸ Manakala menurut tinjauan pendapat Nikkei Shimbun, sehingga Disember 2022, kadar sokongan kepada Kishida telah jatuh kepada 35%.⁵⁹ Sokongan kepada kabinet Kishida jatuh lagi kepada 33%

pada Oktober 2023.⁶⁰ Berikutan kejatuhan sokongan ke tahap terendah sejak beliau memegang jawatan tahun 2021, Kishida menggesa ahli politik LDP memutuskan hubungan dengan kumpulan agama yang kontroversi tersebut. Kishida juga merombak kabinet dan eksekutif partinya pada 10 Ogos 2023 dalam usaha untuk menyingkirkan ahli politik LDP yang mempunyai hubungan dengan *Unification Church* seperti Nobuo Kishi, bekas menteri pertahanan yang juga saudara Abe, daripada jawatan tertinggi.⁶¹ Setiausaha Agung LDP, Toshimitsu Motegi, mencadangkan tatakelakuan parti yang baharu diperkenalkan yang menuntut supaya ahli-ahli LDP menamatkan hubungan mereka dengan *Unification Church*.⁶²

Walau bagaimanapun didapati bahawa selepas rombakan itu, ramai ahli politik LDP kekal mempunyai hubungan dengan *Unification Church*. Sekurang-kurangnya lima anggota kabinetnya mempunyai hubungan dengan organisasi itu. Mio Sugita timbalan menteri parlimen bagi hal ehwal dalaman dan komunikasi yang terkenal dengan pandangan anti LGBTQ dan anti feminisme didedahkan telah dua kali berucap di majlis yang diadakan oleh *Unification Church*. Koichi Hagiuda, ketua polisi baharu LDP juga mengakui telah melawat kemudahan yang dikaitkan dengan *Unification Church* bersama calon LDP menjelang pilihan raya Dewan Tinggi pada tahun 2024. Selain itu menteri kesihatan dan hal ehwal dalam negeri, bersama-sama dengan berpuluh-puluh pegawai kanan lain juga turut mempunyai hubungan dengan *Unification Church*. Kemuncak kepada peristiwa ini adalah pengumuman Kishida untuk tidak bertanding semula selepas tamat penggal ketiga pentadbirannya pada September 2024 berikutan sokongan rendah untuk kabinetnya.

Jadi, bagaimanakah sebuah pertubuhan agama yang diasaskan di Korea Selatan menjadi begitu signifikan dengan kerajaan Jepun? Bagaimana di negara yang penduduknya menganggap diri mereka tidak beragama begitu dipengaruhi oleh pertubuhan agama dan masih boleh mempengaruhi keputusan dasar LDP? Ciri penting *Unification Church* ialah walaupun ahli mereka adalah kecil, tetapi sangat setia. Oleh itu *Unification Church* sangat berperanan dalam pilihan raya. Jika seorang pemimpin *Unification Church* mengarahkan ahli untuk mengundi calon LDP, mereka akan melakukannya.⁶³ Peranan yang dimainkan oleh mereka menyebabkan tenaga, usaha dan undi mereka sentiasa diperlukan oleh semua ahli politik yang bermatlamat untuk memenangi pilihan raya. Oleh itu pendedahan media bahawa ahli politik LDP masih berurusan dengan *Unification Church*, termasuk menggunakan ahlinya sebagai sukarelawan dalam kempen pilihan raya adalah tidak mengejutkan. Media juga mendedahkan mereka masih lagi menghadiri acara yang dianjurkan oleh *Unification Church*, membayar yuran dan menerima sokongan semasa kempen pilihan raya. Ini kerana mereka adalah organisasi penting dalam persaingan politik untuk mendapatkan kuasa memerintah negara. Sokongan *Unification Church* tidak dapat dinafikan walaupun ia merupakan pertubuhan agama yang dipandang serong oleh sebahagian besar masyarakat Jepun yang tidak beragama.

Kesimpulan

Artikel ini membincangkan tentang pembunuhan Shinzo Abe dan kaitannya dengan sistem pilihan raya dan *Unification Church*. Pengkaji mendapati bahawa persaingan politik untuk menguasai tampuk kepimpinan negara menyebabkan ahli politik LDP perlu mendapatkan sokongan dari individu dan kumpulan tertentu termasuk dari *Unification Church*. Tambahan lagi sistem pilihan raya campuran FPTP dan PR yang digunakan mendorong persaingan sengit antara parti parti politik Jepun. Walau bagaimanapun, hubungan dengan *Unification Church* turut membawa LDP terjebak dengan anggapan bahawa berlaku penyalahgunaan institusi keagamaan yang akhirnya menimbulkan kemarahan mangsa. Dalam kes pembunuhan Abe, Yamagami bertindak sedemikian kerana dendam terhadap penyalahgunaan institusi keagamaan tersebut sehingga menyebabkan kemudaratan kepada keluarganya.

Walaupun peristiwa pembunuhan Abe dan skandal *Unification Church* menggemparkan seluruh Jepun, tetapi kerajaan tidak mendiskriminasi institusi keagamaan. Prinsip pemisahan agama dan negara seperti yang dinyatakan dalam perlembagaan terus dihormati. Perlembagaan menjamin kebebasan beragama dan melarang mendiskriminasi terhadap aktiviti keagamaan. Secara teknikal, pemisahan agama dan negara tidak bermakna membuat garis pemisah antara kedua-dua entiti tersebut, sebaliknya, ia adalah konsep yang dicipta untuk melarang campur tangan negara dalam agama dan campur tangan agama dalam negara. Matlamatnya adalah untuk menghalang negara dari kembali menjadi ganas seperti yang berlaku semasa Perang Dunia Kedua.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Jurnal Sejarah, Politik dan Kajian Strategik Malaysia (JEBAT) / *Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* yang membantu menerbitkan artikel ini.

Nota

¹ Satoshi Sugiyama, Chang-Ran Kim, "Shinzo Abe's Assassin Used a Handmade Firearm," *Reuters*, 9 Julai, 2022.

² Alice French, Sayumi Take, "Japan's Unification Church Scandal Lingers a Year after Abe Death," *Nikkei Asia*, 6 Julai 2023.

³ John Sides, Daron Shaw, Matt Grossmann, Keena Lipsitz, *Campaigns and Elections*, W.W Norton and Company, New York, 2022, p. 9 -10.

⁴ Ibid.

⁵ Norman Padelford, "Politics among Nations: The Struggle for Power and Peace, by Hans J. Morgenthau," *Political Science Quarterly*, 64, no. 2, 1949, p 290–292.

⁶ John Sides, Daron Shaw, Matt Grossmann, Keena Lipsitz, *Campaigns and Elections*, W.W Norton and Company, New York, 2022, p. 10-11.

⁷ Ibid.

⁸ Karol Żakowski, "Evolution of the Japanese Political Scene: Toward a Non-Issue-Oriented Two-Party System?" *Asian Journal of Political Science* 19, no. 2, 2011, p. 186–207.

⁹ Amy Catalinac, *Electoral Reform and National Security in Japan*, Cambridge University Press, Cambridge, 2015, p. 33-35.

¹⁰ Ibid.

¹¹ Ibid

¹² Gerald Curtis, *Japan at the Crossroads*, East-West Center, 1999, p. 1-8.

¹³ Steven Reed, Kenneth McElwain, Kay Shimizu, *Political Change in Japan: Electoral Behavior, Party Realignment and the Koizumi Reforms*, Stanford University Press, California, 2009, p. 20-21.

¹⁴ Robert Garner, Peter Ferdinand, Stephhanie Lawson, *Introduction to Politics*, University of Oxford Press, New York, 2023, p. 254-255.

¹⁵ Kitaoka Shinichi, "Japan's Dysfunctional Democracy", *Asia Program Special Report*, Woodrow Wilson International Center for Scholars 117, no. 2, 2004, p. 2-10.

¹⁶ Robert Pekkanen, Steven Reed, Daniel M. Smith, *Japan Decides 2021: The Japanese General Election*, Palgrave MacMillan, London, 2023, p. 10-11.

¹⁷ Asmadi Hassan, “Media Sosial dan Kempen Pilihan Raya: Perbandingan Jepun dan Malaysia. Dlm. Rohayati Paidi, Asmadi Hassan, Md Nasrudin Md Akhir, *Jepun dan Dinamisme Global*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2019, p 30.

¹⁸ Ibid.

¹⁹ Nikkei Staff, “Abe shooter’s mother donated \$720K to Unification Church”, *Nikkei Asia*, 14 Julai, 2022.

²⁰ Rurika Imahashi, Alice French, “Strings Pulled: Dissecting Japan’s Unification Church Problem” *Nikkei Asia*, 9 September, 2022.

²¹ Takahito Muraoka, Hiroyuki Omoto, “Abe Shooter Decided Last Fall to Kill Former PM: Police”, *Nikkei Asia*, 12 Julai, 2022.

²² Staff Writer, “山上徹也容疑者とみられるTwitter投稿1363件「憎むのは統一教会だけ。結果として安倍政権に何があってもオレの知った事ではない」 (Catatan 1363 Twitter yang dipercayai oleh Tetsuya Yamagami: “Satu-satunya perkara yang saya benci ialah Gereja Penyatuan. Akibatnya, apa sahaja yang berlaku kepada pentadbiran Abe bukan urusan saya), *Mainichi Broadcasting System*, 18 Julai, 2022.

²³ Kentaro Iwamoto, “Unification Church Admits Links with Japanese Lawmakers,” *Nikkei Asia*, 10 Ogos, 2022.

²⁴ Ibid.

²⁵ Alice French, Sayumi Take, “Japan’s Unification Church Scandal Lingers a Year after Abe Death,” *Nikkei Asia*, 6 Julai, 2023.

²⁶ Nikkei Staff, “Unification Church Runs a de facto Conglomerate in South Korea,” *Nikkei Asia*, 1 September, 2022.

²⁷ Ibid.

²⁸ Kentaro Iwamoto, “Unification Church Admits Links with Japanese Lawmakers,” *Nikkei Asia*, 10 Ogos, 2022.

²⁹ Tim Kelly, “Japan to Ask Court to Strip Unification Church of Religious Status,” *Reuters*, 12 Oktober, 2023. <https://www.reuters.com/world/asia-pacific/japan-ask-court-strip-unification-church-religious-status-2023-10-12/>.

³⁰ Alice French, Sayumi Take, “Japan’s Unification Church Scandal Lingers a Year after Abe Death,” *Nikkei Asia*, 6 Julai, 2023.

³¹ Rurika Imahashi, Alice French, “Strings Pulled: Dissecting Japan’s Unification Church Problem”, *Nikkei Asia*, 9 September, 2022.

³² Ibid.

³³ Justin McCurry, “Japan PM’s Popularity Dives Over Party Links to Unification Church,” *The Guardian*, 23 Ogos, 2022. <https://www.theguardian.com/world/2022/aug/23/japan-pm-fumio-kishida-popularity-dives-unification-church>.

³⁴ Akahata Staff, “Prime Minister Abe Sent Congratulatory Telegrams to Unification Church,” *Akahata*, 14 Oktober, 2006.

³⁵ Rurika Imahashi and Alice French, “Strings Pulled: Dissecting Japan’s Unification Church Problem”, *Nikkei Asia*, 9 September, 2022.

³⁶ Alice French, Sayumi Take, “Japan’s Unification Church Scandal Lingers a Year after Abe Death,” *Nikkei Asia*, 6 Julai, 2023.

³⁷ Staff Writer, “Japan Puts Unification Church under Stricter Monitoring,” *Jiji Press*, 7 Mac, 2024.

³⁸ Justin McCurry, “Japan PM’s Popularity Dives Over Party Links to Unification Church,” *The Guardian*, 23 Ogos, 2022.

³⁹ Rurika Imahashi and Alice French, “Strings Pulled: Dissecting Japan’s Unification Church Problem”, *Nikkei Asia*, 9 September, 2022.

⁴⁰ Akahata Staff, “Prime Minister Abe Sent Congratulatory Telegrams to Unification Church,” *Akahata*, 14 Oktober, 2006.

⁴¹ Erika Kobayashi, “Abe’s Death Spotlights Unification Church Links to Japan’s LDP,” *Nikkei Asia*, 30 Julai, 2022.

- ⁴² Kosuke Takeuchi, Rintaro Tobita, Susumu Kuronuma, "Japan LDP Members Face Pressure over Unification Church Ties," *Nikkei Asia*, 3 Ogos, 2022.
- ⁴³ Ibid.
- ⁴⁴ Kentaro Iwamoto, "Unification Church Admits Links with Japanese Lawmakers," *Nikkei Asia*, 10 Ogos, 2022.
- ⁴⁵ Justin McCurry, "Japan PM's Popularity Dives Over Party Links to Unification Church," *The Guardian*, 23 Ogos, 2022.
- ⁴⁶ Rurika Imahashi, Alice French, "Strings Pulled: Dissecting Japan's Unification Church Problem," *Nikkei Asia*, 9 September, 2022.
- ⁴⁷ Nikkei Staff, "Unification Church: How Japan Politicians Counted on Members' Votes," *Nikkei Asia*, 31 Ogos, 2022.
- ⁴⁸ Ibid.
- ⁴⁹ Staff Writer, "An Unholy Alliance: How the Unification Church Penetrated Japan's Ruling Liberal Democratic Party," Nippon.Com, 3 Mac, 2023.
- ⁵⁰ Nikkei Staff, "Unification Church: How Japan Politicians Counted on Members' Votes," *Nikkei Asia*, 31 Ogos, 2022.
- ⁵¹ Ibid.
- ⁵² Rurika Imahashi, Alice French, "Strings Pulled: Dissecting Japan's Unification Church Problem," *Nikkei Asia*, 9 September, 2022.
- ⁵³ Yoshihide Sakurai, "Japan is not Putting the Unification Church out of Business," *Nikkei Asia*, 14 November, 2023.
- ⁵⁴ Alice French, Sayumi Take, "Japan's Unification Church Scandal Lingers a Year after Abe Death," *Nikkei Asia*, 6 Julai, 2023.
- ⁵⁵ Rurika Imahashi, Alice French, "Strings Pulled: Dissecting Japan's Unification Church Problem," *Nikkei Asia*, 9 September, 2022.
- ⁵⁶ Ibid.
- ⁵⁷ Tim Kelly, "Japan to Ask Court to Strip Unification Church of Religious Status," Reuters, 12 Oktober, 2023.
- ⁵⁸ Rurika Imahashi, Alice French, "Strings Pulled: Dissecting Japan's Unification Church Problem," *Nikkei Asia*, 9 September, 2022.
- ⁵⁹ Hiroyuki Akiyama, "Japan's Kishida reaches 1,000 days in office, marred by 3 setbacks," *Nikkei Asia*, 29 Jun, 2024.
- ⁶⁰ Ibid.
- ⁶¹ Erika Kobayashi, "Abe's Death Spotlights Unification Church Links to Japan's LDP," *Nikkei Asia*, 30 Julai, 2022.
- ⁶² Justin McCurry, "Japan PM's Popularity Dives Over Party Links to Unification Church," *The Guardian*, 23 Ogos, 2022.
- ⁶³ Gaku Shimada, "Abe's House of Cards: Death Leaves Largest Party Faction in Limbo," *Nikkei Asia*, 14 Julai, 2022.

Rujukan

- Amy, Catalinac. 2015. *Electoral Reform and National Security in Japan*, Cambridge: Cambridge University Press.
- Asmadi Hassan. 2019. "Media Sosial dan Kempen Pilihan Raya: Perbandingan Jepun dan Malaysia." Dlm. *Jepun dan Dinamisme Global*, disunting oleh Rohayati Paidi, Asmadi Hassan & Md Nasrudin Md Akhir. 135. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- French, Alice. Take, Sayumi. 2023. "Japan's Unification Church Scandal Lingers a Year after Abe Death." *Nikkei Asia*, 6 Julai.

- Garner, Robert. Ferdinand, Peter. Lawson, Stephhanie. 2023. *Introduction to Politics*. New York: University of Oxford Press.
- Gerald, Curtis. 1999. *Japan at the Crossroads. East-West Center*.
- Hiroiyuki, Akiyama. 2024. "Japan's Kishida reaches 1,000 days in office, marred by 3 setbacks." *Nikkei Asia*, 29 Jun.
- Imahashi, Rurika. French, Alice. 2022. "Strings Pulled: Dissecting Japan's Unification Church Problem." *Nikkei Asia*, 9 September.
- Iwamoto, Kentaro. 2022. "Unification Church Admits Links with Japanese Lawmakers." *Nikkei Asia*. 10 Ogos.
- Karol, Zakowski. 2011. "Evolution of the Japanese Political Scene: Toward a Non-Issue-Oriented Two-Party System?" *Asian Journal of Political Science*.
- ScKelly, Tim. 2023. "Japan to Ask Court to Strip Unification Church of Religious Status." *Reuters*, 12 Oktober.
- Kitaoka, Shinichi. 2004. "Japan's Dysfunctional Democracy." *Asia Program Special Report, Woodrow Wilson International Center for Scholars*.
- Kobayashi, Erika. 2022. "Abe's Death Spotlights Unification Church Links to Japan's LDP." *Nikkei Asia*, 30 Julai.
- Leiserson, Michael. 1968. "Factions and Coalitions in One-Party Japan: An Interpretation Based on the Theory of Games." *American Political Science Review*.
- Levi, McLaughlin. 2023. "The Abe Assassination and Japan's Nexus of Religion and Politics." *Current History* 122, no. 845: 209–216.
- McCurry, Justin. 2022. "Japan PM's Popularity Dives Over Party Links to Unification Church." *The Guardian*, 23 Ogos.
- Miu Nicole, Takagi. 2023. "The Effects of Political Martyrdom on Election Results: The Assassination of Abe," *Journal of Data Mining and Digital Humanities*: 1-22.
- Morgenthau, Hans. 1972. *Politics among Nations: The Struggle for Power and Peace*. New York: Alfred A Knopf.
- Robert, Pekkanen. Steven, Reed. Daniel, Smith. 2023. *Japan Decides 2021: The Japanese General Election*, London: Palgrave MacMillan.
- Sakurai, Yoshihide. 2023. "Japan is not Putting the Unification Church out of Business." *Nikkei Asia*, 14 November.
- Shimada, Gaku. 2022. "Abe's House of Cards: Death Leaves Largest Party Faction in Limbo." *Nikkei Asia*, 14 Julai.
- Shinichi, Kitaoka. 2022. "Achievements by Abe Shinzo, Former Prime Minister of Japan," *Asia-Pacific Review* 29, no. 3: 10-27.
- Sides, J., Shaw, D., Grossmann, M. & Lipsitz, K. (2022). *Campaigns and Elections*. New York: W.W Norton and Company.
- Soichiro, Saeki. 2022. "Preventing the Worst, Recovering with Resilience," *JMA Journal* 5, no. 4: 533-534.
- Staff, Akahata. 2006. "Prime Minister Abe Sent Congratulatory Telegrams to Unification Church." *Akahata*, 14 Oktober.
- Staff, Nikkei. 2022. "Abe shooter's mother donated \$720K to Unification Church." *Nikkei Asia*, 14 Julai.
- Staff, Nikkei. 2022. "Unification Church Runs a de facto Conglomerate in South Korea," *Nikkei Asia*, 1 September.
- Staff, Nikkei. 2022. "Unification Church: How Japan Politicians Counted on Members' Votes," *Nikkei Asia*, 31 Ogos.

- Staff, Writer. 2022. “山上徹也容疑者とみられるTwitter投稿1363件「憎むのは統一教会だけ。結果として安倍政権に何があってもオレの知った事ではない。” *Mainichi Broadcasting System*, 18 Julai.
- Staff, Writer. 2023. “An Unholy Alliance: How the Unification Church Penetrated Japan’s Ruling Liberal Democratic Party.” *Nippon.Com*, 3 Mac.
- Staff, Writer. 2024. “Japan Puts Unification Church under Stricter Monitoring.” *Jiji Press*, 7 Mac.
- Steven, Reed. Kenneth, McElwain. Shimizu, Kay. 2009. *Political Change in Japan: Electoral Behavior, Party Realignment and the Koizumi Reforms*. California: Stanford University Press.
- Sugiyama, Satoshi. Kim, Chang-Ran. 2022. “Shinzo Abe’s Assassin Used a Handmade Firearm.” *Reuters*, 9 Julai.
- Takahito, Muraoka. Hiroyuki, Omoto. 2022. “Abe Shooter Decided Last Fall to Kill Former PM: Police.” *Nikkei Asia*, 12 Julai.
- Takeuchi, Kosuke. Tobita, Rintaro. Kuronuma, Susumu. 2022. “Japan LDP Members Face Pressure over Unification Church Ties.” *Nikkei Asia*, 3 Ogos.